



Memperkasakan Masa Depan: Inovasi demi Ketahanan & Keterangkuman



Laporan Prestasi Dana 2024

Kandungan laporan ini



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Gambaran Keseluruhan

2	Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif	103	Dana Padu Allianz Life	206	Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD)
4	Ulasan & Tinjauan Pasaran 2024	111	Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life	214	Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life (USD)
9	Dana Ekuiti Allianz Life	122	Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life	222	Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD)
17	Dana Terurus Allianz Life	131	Dana ASEAN Plus Allianz Life	230	Dana Thematica Allianz Life (USD)
25	Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	139	Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life	238	Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD)
36	Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life	150	Dana Ekuiti All China Allianz Life	246	Dana Sains Kesihatan Dunia Allianz Life
44	Dana Global High Payout Allianz Life	158	Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life	254	Dana Multi-Aset Bersepadu ESG Allianz Life
52	Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life	166	Dana Pendapatan Oriental Allianz Life	263	Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life
60	Dana Induk Bon Allianz Life	174	Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life	271	Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan Allianz Life
73	Dana Induk Ekuiti Allianz Life	182	Dana Pendapatan Global Allianz Life	279	Lampiran
84	Dana Induk Dividen Allianz Life	190	Dana Thematica Allianz Life		
95	Dana Bon Allianz Life	198	Dana Pendapatan Elit Allianz Life		

Susunan dana adalah berdasarkan tarikh pelancaran.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Charles Ong
Ketua Pegawai Eksekutif,
Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

Pemegang polisi berkaitan pelaburan yang dihargai,

Kami berbesar hati untuk membentangkan Laporan Prestasi Dana 2024 Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life) yang mencerminkan komitmen teguh kami terhadap ketelusan dan kecemerlangan dalam pengurusan pelaburan. Dalam landskap ekonomi yang berkembang pesat, Allianz Life kekal berdedikasi untuk mencapai nilai jangka panjang dan keselamatan kewangan.

Pada 2024, pasaran ekuiti berkembang pesat disebabkan oleh tanda-tanda awal disinflasi, pelonggaran bank pusat, pertumbuhan ekonomi, dan perolehan korporat yang kukuh didorong oleh optimisme kecerdasan buatan (AI). Namun, ketidaktentuan muncul disebabkan oleh ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dengan China serta konflik berterusan Rusia-Ukraine dan Gaza. Ketidakpastian politik juga mempengaruhi pasaran, namun Indeks MSCI World meningkat sebanyak 19.19%.

Di Malaysia, optimisme dalam kalangan pelabur di FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur KLCI (FBMKLCI) meningkat disebabkan oleh reformasi struktur kerajaan yang ketara. Ini termasuk pelancaran Pangkalan Data Utama (Padu), hab pusat bagi pengagihan bantuan dan rasionalisasi subsidi diesel yang dijangka menjimatkan kira-kira RM7.2 bilion hingga RM7.5 bilion setiap tahun. Selain itu, kerjasama penting dengan Singapura telah dimeterai untuk membangunkan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) yang meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

Malaysia mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 5.1%, mengatasi ramalan kerajaan, disokong oleh permintaan domestik dan eksport yang kukuh. Inflasi kekal terkawal pada 1.7% pada Disember 2024, manakala Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.00% sepanjang tahun yang memupuk kestabilan ekonomi dan mengukuhkan Ringgit.

Memandangkan pasaran berprestasi cemerlang pada tahun 2024, dana berkaitan pelaburan kami juga berjaya mengatasi penanda aras masing-masing. Dana utama kami, iaitu Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Terurus Allianz Life, mencatatkan pulangan masing-masing sebanyak +18.67% dan +10.77%, berbanding dengan pulangan penanda aras kedua-dua dana sebanyak +16.98% dan +9.70%.

Apabila dinilai dalam tempoh tiga tahun, Dana Ekuiti dan Dana Terurus kami mencapai pulangan sebanyak +25.82% dan +16.74%, melebihi pulangan penanda aras masing-masing sebanyak +11.36% dan +10.02%. Sejak penubuhan kedua-dua dana pada tahun 2000, Dana Ekuiti dan Dana Terurus kami telah secara konsisten memberikan hasil positif, dengan pulangan tahunan sebanyak +7.81% dan +7.76% setahun, mengatasi penanda aras masing-masing sebanyak 4.43 ppt dan 4.28 ppt.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Pada tahun 2024, kami berjaya meluaskan tawaran dana berkaitan pelaburan, serta mengintegrasikan peluang pelaburan asing yang baru. Ini termasuk Dana World HealthScience Allianz Life, yang melabur dalam syarikat-syarikat yang memfokuskan penjagaan kesihatan, farmaseutikal, teknologi perubatan dan pembangunan bioteknologi; Dana ESG-Integrated Multi-Asset Allianz Life yang merangkumi pelaburan global dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, unit Skim Pelaburan Berkumpul (CIS), tunai, deposit dan instrumen pasaran wang; Dana Global Unconstrained Equity Allianz Life yang bertujuan untuk pertumbuhan modal jangka panjang; dan Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life yang direka untuk pertumbuhan modal jangka panjang dan pendapatan melalui pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti korporat di pasaran AS dan/atau Kanada.

Kerjasama dengan HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC Malaysia) memainkan peranan penting dalam pencapaian kejayaan ini. Pada Disember 2024, kami menambah baik HSBC Universal AssuredTreasure dengan memperkenalkan pilihan tempoh bayaran fleksibel yang menawarkan fleksibiliti perancangan kewangan yang lebih luas untuk pelanggan. Selain itu, pada suku ketiga tahun 2024 (3Q2024), kami melancarkan HSBC Universal AssuredTreasure, pelan GIO pembayaran terjamin baru yang disesuaikan untuk keperluan simpanan dan persaraan pelanggan.

Melalui kerjasama erat dengan HSBC Malaysia, Allianz Life kekal komited untuk memperkasakan individu agar mencapai matlamat kewangan dan menjamin masa depan mereka. Kerjasama ini terus menjadikan insurans lebih mudah diakses oleh rakyat Malaysia di samping merapatkan jurang perlindungan dalam negara.

Perniagaan Manfaat Pekerja (EB) Allianz Life mengekalkan trajektori pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2024, dipacu oleh sumbangan positif daripada broker, agen, dan penasihat kewangan. Walaupun menghadapi cabaran seperti persaingan harga yang sengit dan inflasi perubatan yang meningkat, kerjasama erat kami dengan perantara dan klien membolehkan kami berjaya memperbaharui akaun utama. Selain itu, penglibatan strategik dengan pasukan Serantau Allianz memperoleh satu akaun besar baharu yang signifikan.

Salah satu cadangan nilai unik untuk perniagaan EB Allianz Life ialah tumpuannya pada perkhidmatan kesihatan bernilai tambah yang memacu penjimatan kos. Ini termasuk memperluas perkhidmatan kesihatan digital, mempromosikan penggunaan teleperubatan, dan menawarkan Pendapat Perubatan Kedua Antarabangsa untuk memastikan pelan rawatan yang optimum bagi pelanggan.

Sementara itu, pertumbuhan perniagaan Agensi pada tahun 2024 disokong dengan ketara oleh projek Kingmaker dan inisiatif Recruit2Grow yang mengukuhkan keupayaan kami untuk

menarik dan memupuk bakat. Ekoran daripada itu, pasukan Agensi mencatatkan angka pengambilan bakat yang kukuh dengan 2,003 orang ejen baharu dan pelantikan 784 orang C.E.O. ejen baharu.

Selain itu, Allianz Malaysia Berhad (AMB) berjaya menyempurnakan transformasi perkhidmatan pelanggan OneAllianz pada tahun 2024. One Allianz merupakan inisiatif utama yang bertujuan untuk meningkatkan sinergi antara Allianz Life dengan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad yang menyediakan peluang signifikan untuk menjual silang produk dan meningkatkan pengalaman pelanggan.

Kami juga percaya bahawa kelestarian dan tadbir urus yang bertanggungjawab menjadi kunci kepada penciptaan nilai jangka panjang. Oleh itu, AMB dengan kerjasama Universiti Malaya melancarkan Allianz Centre For Governance pada 2024. Melalui Centre ini, kami menegaskan semula komitmen kami untuk memperjuangkan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab bagi memacu pertumbuhan yang beretika dan mampan.

Melihat ke masa hadapan, para pelabur akan memantau rapi pelaksanaan dasar-dasar domestik utama, termasuk rasionalisasi subsidi bahan api RON95, inisiatif infrastruktur, Pelan Hala Tuju Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, dan pelancaran JSSEZ, dengan menilai potensi impak pasaran mereka.

BNM menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi Malaysia pada tahun 2025, meramalkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5% hingga 5.5% dan kadar pengangguran sebanyak 3.1%, yang terendah dalam sedekad. BNM juga berpendapat bahawa inflasi dijangka kekal terkawal, selaras dengan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan domestik yang berlebihan.

Pada peringkat global, trend inflasi, terutamanya di AS akan diperhatikan dengan teliti memandangkan jangkaan untuk pemotongan kadar telah berkembang. Para pelabur juga akan memfokus pada potensi kesan dasar-dasar baharu daripada Presiden AS yang baru dipilih dan ketegangan geopolitik yang berterusan di Timur Tengah dan Ukraine.

Kami tetap komited untuk mengutamakan pelaburan jangka panjang yang berasas kukuh di samping terlibat dalam aktiviti perdagangan secara strategik bagi memanfaatkan ketidakpastian pasaran untuk perolehan jangka pendek. Akhir kata, kami kekal berwaspada dalam menyesuaikan strategi kami untuk mengemudi landskap pasaran yang sentiasa berubah.

Kami sangat menghargai kepercayaan anda terhadap Allianz Life sebagai rakan kewangan anda. Pasukan kami kekal berdedikasi untuk melindungi dan meluaskan pelaburan anda bagi memastikan penciptaan nilai yang berterusan pada tahun-tahun mendatang.

Ulasan Pasaran



Ulasan Pasaran 2024 & Tinjauan

Selepas mengharungi pasaran ekuiti yang memuakkan pada 2023, 2024 merupakan sebuah tahun yang membina disokong oleh beberapa tanda disinflasi awal yang menyebabkan pelonggaran dasar monetari oleh bank-bank pusat yang ditunggu-tunggu, pertumbuhan ekonomi yang baik, rangsangan ekonomi China dan perolehan korporat yang kukuh dipacu oleh optimisme bagi percambahan AI. Namun begitu, di sebalik suasana optimis, tahun ini juga dilanda oleh peningkatan ketidakstabilan yang didorong oleh ketegangan perang perdagangan AS-China, konflik Rusia-Ukraine dan Gaza. Selain itu, ketidakpastian politik juga menjadi tumpuan utama apabila warganegara dari sekurang-kurangnya 70 negara yang merangkumi hampir separuh daripada populasi dunia dan termasuk kuasa ekonomi seperti AS, India, United Kingdom, Perancis dan Rusia, keluar mengundi dalam pilihan raya negara masing-masing. Bagi sebahagian besar daripada tahun 2024, pasaran juga terpaksa bergelut dengan bayangan kembalinya Presiden Donald Trump ke tampuk pimpinan AS berdasarkan janji-janji yang dibuat dalam kempen 2024 beliau, kemungkinan menandakan era baharu pengenalan tarif dan tindak balas yang setimpal dengannya. Berlatarbelakangkan situasi yang dipenuhi oleh ketidakpastian ini, prestasi tahun ke tahun (yoy) Indeks MSCI World yang meningkat sebanyak +17.00% pada 2024 adalah benar-benar luar biasa berbanding dengan lonjakan prestasi sebanyak +21.77% yoy pada 2023.

Setelah menerajui lonjakan pasaran ekuiti AS pada tahun 2023, syarikat-syarikat teknologi terus kekal di barisan hadapan sebagai pendorong pasaran pada tahun 2024. Sepanjang tahun yang dikaji, walaupun Indeks Perindustrian Dow Jones meningkat sebanyak +12.88% yoy, Indeks Komposit Nasdaq benar-benar bersinar pada tahun 2024 dengan lonjakan +28.64%

yoy yang didorong oleh perbelanjaan AI yang berterusan. Pendorong ketara lain untuk pasaran ekuiti AS adalah jangkaan deregulasi di bawah pentadbiran baharu Trump seperti yang diperlihatkan oleh lonjakan +7.54% bulan ke bulan (mom) dalam Indeks Perindustrian Dow Jones pada November 2024 selepas kemenangan besar dalam pilihanraya bagi jawatan Presiden, Senat dan Dewan Perwakilan oleh parti Republikan Presiden Trump. Dari sudut pandang ekonomi, ekonomi AS terus menunjukkan daya tahan yang ketara dengan KDNK 2024 (Anggaran Awal) berkembang sebanyak +2.8% yoy, melebihi anggaran konsensus, didorong oleh perbelanjaan pengguna dan kerajaan yang sihat di samping kadar pengangguran yang rendah. Pertumbuhan sedemikian dinikmati di tengah-tengah usaha Rizab Persekutuan (Fed) untuk menormalkan kadar bagi menyokong pertumbuhan ekonomi namun tidak terlalu condong ke arah kenaikan inflasi. Walaupun pihak Fed memulakan tahun dengan langkah yang agak konservatif dengan memilih untuk mengekalkan kadar penanda aras dan dengan itu, meredakan optimisme awal pasaran, keadaan bertukar pada September 2024 dengan pemotongan kadar sebanyak 50 mata asas (bps), pengurangan kadar pertamanya dalam empat tahun. Ini diikuti dengan dua lagi pemotongan kadar berturut-turut sebanyak 25 bps pada suku keempat 2024 (4Q24). Walaupun berlakunya pelonggaran dasar monetari Fed, AS mencatatkan bacaan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang lebih terkawal sebanyak +2.9% yoy berbanding bacaan yang lebih membimbangkan sebanyak +3.4% pada 2023.

Ulasan Pasaran

Seperti rakan-rakan sejawat di Barat, Eropah juga memperlihatkan tahun 2024 yang agak baik dengan Indeks Stoxx 50 meningkat +8.28% yoy. Pasaran ekuiti Zon Euro disokong oleh normalisasi kadar faedah oleh Bank Pusat Eropah (ECB) yang memulakan trajektori penurunan kadar 100 bps lebih awal daripada Fed pada Jun 2024. Namun, di sebalik prestasi pasaran ekuiti yang positif, Zon Euro terpaksa bergelut dengan ekonomi yang agak lesu yang mencatatkan pertumbuhan KDNK 2024 sebanyak +0.7% yoy. Bahkan, Jerman, ekonomi terbesar di Zon Euro, menyaksikan KDNK terus merosot dari tahun 2023 dengan penyusutan sebanyak 0.2% yoy pada 2024. Presiden Bundesbank, Joachim Nagel, memberi amaran bahawa Jerman terperangkap dalam tempoh kelemahan ekonomi dan kadar bank pusat perlu diturunkan secara beransur-ansur supaya tekanan inflasi dapat dihilangkan sepenuhnya. Berlawanan dengan ekonomi yang goyah seperti yang dicerminkan dalam prestasi pertumbuhan KDNK, Indeks DAX 40 Jerman melonjak ke paras tertinggi baharu yang didorong oleh optimisme pasaran terhadap kestabilan ekonomi keseluruhan Zon Euro di bawah dasar pelonggaran monetari ECB, dan mengakhiri tahun dengan kenaikan +18.85% tahun ke tahun. Namun begitu, Zon Euro turut mengalami perubahan politik dengan beberapa ekonomi utama menjalani pilihan raya negara yang mungkin menandakan perubahan pentadbiran kerajaan, dan seterusnya berpotensi menimbulkan ketidakpastian. Di UK, Parti Buruh memenangi kemenangan besar mengatasi penyandang Parti Konservatif manakala Perdana Menteri (PM) Perancis Michel Barnier dan Kabinetnya dipecat melalui undi tidak percaya selepas pilihan raya parlimen pada pertengahan tahun.

Di Asia Timur, Indeks Komposit Shanghai di China juga mengekalkan rentak dengan lonjakan +12.67% yoy meskipun melalui tempoh yang tidak memberangsangkan sebelum September 2024. Namun, indeks tersebut mencapai titik perubahan pada September apabila Bank Rakyat China melancarkan pakej rangsangan paling agresif sejak pandemik COVID-19 yang melibatkan pemotongan nisbah keperluan rizab (RRR), pengurangan kadar repo berbalik tujuh hari, kemudahan pinjaman jangka sederhana (MLF), kadar pinjaman utama (LPR) dan kadar deposit. Selain itu, bank pusat negara itu juga akan membimbing bank-bank komersial untuk menurunkan kadar faedah pinjaman perumahan sedia ada bagi mengurangkan tekanan ke atas isi rumah. Pelaksanaan rangsangan yang luas akan memainkan peranan penting dalam membantu memulihkan keyakinan pasaran, mengukuhkan ekonomi negara dan menyokong pasaran hartanahnya. Untuk membantu pasaran sahamnya, bank pusat memulakan program pertukaran 500 bilion renminbi, di mana pengurusan dana yang layak, syarikat insurans dan firma sekuriti dapat memanfaatkan untuk pemerolehan pembiayaan bagi membeli saham. China memperhebat usaha bantuan pada November 2024 apabila kerajaan mengumumkan pakej lima tahun berjumlah 10 trilion

renminbi yang dirancang untuk membantu menyusun semula masalah hutang kerajaan tempatan, dan pada masa yang sama, memberi isyarat bahawa akan ada lebih banyak sokongan pada tahun 2025. Seiring dengan kenaikan pesat pasaran ekuiti, KDNK China juga berkembang sebanyak +5.0% yoy yang mencapai sasaran kerajaan dan buat pertama kalinya, melepasi 130 trilion renminbi pada tahun 2024. Sementara itu, kadar pengangguran negara itu kekal stabil tahun ke tahun pada 5.1% pada Disember 2024 dan CPI Januari 2025 meningkat +0.5% yoy, lonjakan tertinggi dalam tempoh lima bulan lalu.

Pasaran ekuiti secara amnya agak kukuh pada tahun 2024, komoditi pula mengalami turun naik yang ketara yang dipengaruhi oleh pelbagai ketegangan geopolitik, ketidakstabilan pertumbuhan blok ekonomi serta dinamik pengeluaran. Minyak mentah Brent memulakan tahun pada paras tinggi dengan purata US\$83.44/bbl pada separuh pertama 2024 (1H24), disebabkan oleh ketegangan geopolitik global yang berterusan seperti yang berlaku di Timur Tengah dan pemotongan pengeluaran OPEC+ yang dirancang. Namun, harga minyak mentah Brent jatuh 3.1% yoy kepada US\$74.64/bbl menjelang akhir Disember 2024 disebabkan oleh peningkatan bekalan minyak AS dan permintaan yang lemah dari China. Sebaliknya, harga minyak sawit mentah (CPO) berjaya mengakhiri tahun dengan kenaikan +32.7% yoy pada RM4,861/MT tetapi perjalanan yang dilaluinya dipenuhi dengan ketidakstabilan yang ketara. Ia melonjak +7.45% mom pada Mac 2024 kepada RM4,325/MT yang didorong oleh kekurangan pertumbuhan bekalan tetapi pada bulan berikutnya, merosot 10.71% mom disebabkan oleh jangkaan peningkatan bekalan dengan musim penuaian yang akan datang. CPO sekali lagi melonjak pada Oktober 2024 dan mencapai puncak intra-tahun pada RM5,390 setiap tan metrik pada Disember 2024 disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada pengimport utama seperti China dan India. Namun, ia merosot kepada RM4,861 setiap tan metrik menjelang akhir tahun apabila menghadapi tekanan yang semakin meningkat daripada persaingan minyak kacang soya.



Ulasan Pasaran

Di Malaysia, Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBMKLCI) mencatatkan pulangan tertinggi dalam tempoh 14 tahun. Ia melonjak +12.90% yoy selepas tiga tahun berturut-turut mencatatkan pulangan negatif dan dengan itu, mengatasi beberapa rakan sejawat ASEAN. 2024 terbukti menjadi tahun realisasi untuk Belanjawan 2024 oleh PM Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperkenalkan pelan hala tuju strategik di bawah Rangka Kerja Ekonomi Madani. Oleh itu, pemulihan pasaran sebahagiannya disokong oleh inisiatif kerajaan seperti Pelan Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ). Di bawah NETR dan NIMP, belanjawan melancarkan inisiatif untuk mendorong syarikat-syarikat beralih ke ekonomi rendah karbon yang selaras dengan matlamat keseluruhan Malaysia untuk menjadi negara yang inklusif, mampan dan neutral karbon menjelang 2050. Peningkatan dalam pendapatan korporat juga membantu meningkatkan keyakinan pelabur terhadap ekuiti Malaysia dan terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk membina pusat data negara. Menurut Knight Frank Malaysia, Malaysia adalah hab data utama di Asia Tenggara dengan pelaburan digital sebanyak RM141.7 bilion yang diperolehi dari Januari hingga Oktober 2024. Knight Frank mengaitkan kejayaan pusat data Malaysia dengan komitmen negara terhadap inovasi teknologi dan kelestarian serta langkah-langkah proaktif kerajaan seperti Laluan Hijau dan Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat.

Sentimen positif pelabur terhadap FBMKLCI juga disokong oleh pelaksanaan reformasi struktur kerajaan yang telah lama dinantikan. Pada 2024, kerajaan melancarkan Padu, hab pangkalan data pusat untuk semua rakyat Malaysia yang selaras dengan pendekatan transformasi digital kerajaan untuk memastikan bahawa setiap bantuan atau perkhidmatan kerajaan hanya dinikmati oleh penerima yang layak. Ia diikuti dengan pelaksanaan program rasionalisasi subsidi diesel yang dijangka menjimatkan kerajaan antara RM7.2 bilion hingga RM7.5 bilion setiap tahun. Tambahan pula, kerajaan juga telah memulakan kerjasama yang berinovasi dan mengubah keadaan dengan negara jiran Singapura untuk mewujudkan zon ekonomi khas Johor. JSSEZ telah dimeterai pada 6 dan 7 Januari 2025, dan akan memacu kesalinghubungan ekonomi, serta meningkatkan perdagangan, pelaburan dan mobiliti rakyat. JSSEZ juga dapat memperoleh manfaat daripada penyertaan Malaysia dalam blok ekonomi BRICS pada Oktober 2024. Keahlian BRICS negara itu boleh memberikan beberapa kelebihan, antaranya, tetapi tidak terhad kepada, akses kepada pembiayaan, peningkatan ekonomi, serta kepelbagaian dan potensi hak bersuara yang lebih besar di pentas antarabangsa. Walaupun terdapat perkembangan positif dalam pasaran, aliran keluar ekuiti asing bersih terus berlaku dengan aliran keluar pelaburan ekuiti bersih sebanyak RM4.2 bilion, +82.6% yoy.

Selepas mencatatkan pertumbuhan KDNK 2023 yang hampir mencapai unjuran BNM, asas ekonomi Malaysia yang kukuh membawa kejayaan pada tahun 2024 yang menghasilkan pertumbuhan KDNK +5.1% yoy yang sebenar melebihi julat ramalan kerajaan sebanyak 4.0-5.0% yoy yang diumumkan dalam Belanjawan 2024. Menurut PM, pertumbuhan KDNK yang kukuh merupakan hasil daripada dasar ekonomi Madani kerajaan dan pengurangan defisit fiskal negara kepada 4.1% yang lebih baik daripada sasaran awal 4.3%. BNM selanjutnya menjelaskan bahawa pertumbuhan tersebut juga disokong oleh pengembangan berterusan dalam permintaan domestik dan pemulihan dalam eksport. Walaupun pertumbuhan KDNK memberangsangkan, inflasi Malaysia, yang diukur oleh CPI, kekal terkawal pada +1.7% yoy pada Disember 2024. Melangkah ke hadapan, BNM menyatakan bahawa inflasi dijangka terkawal pada tahun 2025 disebabkan oleh keadaan kos global yang semakin reda tetapi memberi amaran bahawa beberapa risiko tekanan inflasi mungkin datang daripada reformasi dasar domestik tertentu.

Dari segi kadar dasar, BNM konsisten dan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sepanjang tahun. Langkah ini dirancang untuk menyokong kestabilan ekonomi negara dan dengan itu, membantu mengukuhkan nilai Ringgit dalam menghadapi trend pelonggaran dasar monetari global. Oleh itu, Ringgit ternyata menjadi mata wang Asia yang paling berprestasi pada tahun 2024, meningkat sebanyak +2.4% berbanding dengan dolar AS.

Berbanding dengan Malaysia, rakan-rakan ASEAN pula mencatat prestasi pasaran ekuiti yang bercampur-campur sepanjang tahun yang dikaji. Indeks Straits Times Singapura menunjukkan prestasi yang baik, meningkat sebanyak +16.89% yoy, selaras dengan ekonomi AS yang memperlakan. Sebaliknya, Bursa Saham Thailand merosot 1.10% yoy apabila negara itu mengalami kekacauan politik selepas pelucutan PM Thailand Srettha Thavisin dari jawatannya selepas kurang setahun berkuasa. Akhir sekali, Indeks Komposit Jakarta Indonesia menurun sebanyak 2.65% yoy sebahagiannya disebabkan oleh sentimen pelabur yang lemah disebabkan oleh kelemahan rupiah berbanding dolar AS.

Untuk kelas aset pendapatan tetap, 2024 adalah tahun yang mencabar bagi AS dengan kadar yang menurun untuk sembilan bulan pertama tahun ini dengan prospek memperlakan yang menstabilkan pertumbuhan, meredakan inflasi dan mengurangkan pengangguran tetapi berbalik arah menjelang akhir tahun dengan unjuran pertumbuhan yang disemak semula menaik dan kebimbangan terhadap langkah-langkah dasar yang mungkin memacu kadar inflasi lebih tinggi pada tahun 2025. Hasil 10-tahun Perbendaharaan Kerajaan Persekutuan AS (UST) menutup tahun lebih tinggi sebanyak 69 mata asas yoy

Ulasan Pasaran

pada 4.57% dari serendah 3.62% pada September. Pergerakan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) adalah bercampur-campur kerana hasil lima hingga 10 tahun meningkat sebanyak tiga hingga lapan mata asas tahun ke tahun manakala hasil tiga tahun dan 15 hingga 30 tahun menurun sebanyak satu hingga enam mata asas tahun ke tahun. Hasil MGS 10-tahun mengakhiri tahun dengan lebih tinggi sebanyak lapan mata asas tahun ke tahun pada 3.82% daripada serendah 3.69% pada bulan September. Selain itu, aliran masuk bersih dana asing ke Malaysia kekal positif walaupun dengan jumlah yang lebih rendah sebanyak RM4.8 bilion pada tahun 2024 berbanding dengan aliran masuk sebanyak RM23.6 bilion pada tahun 2023.

Dari segi mata wang, seperti yang disebutkan di atas, Ringgit menamatkan tahun ini sebagai mata wang yang paling berprestasi di Asia apabila ia meningkat kepada RM4.4718:US\$1.00 pada akhir Disember 2024 daripada RM4.5940:US\$1.00 pada akhir Disember 2023. Ringgit adalah tidak stabil sepanjang tahun 2024 tetapi menunjukkan ketahanannya apabila ia pulih kepada paras tinggi RM4.1235:US\$1.00 pada bulan September dari paras rendah RM4.7987:US\$1.00 pada bulan Februari. Selain daripada dasar monetari AS, prestasi Ringgit pada tahun 2024 boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, seperti usaha kerjasama antara kerajaan dengan BNM, serta pandangan ekonomi optimis Malaysia.



Tinjauan

Melayari tahun 2025 dengan dorongan pertumbuhan ekonomi dan disinflasi dari tahun sebelumnya, dunia kini harus bersedia untuk kemungkinan ketidakstabilan yang timbul daripada ucapan Presiden Trump yang mengancam pengenaan tarif yang meluas mungkin berisiko menimbulkan inflasi. Kecaman beliau terhadap hubungan dagangan yang dianggap “tidak adil” menjadi asas kempen pilihan raya serta penggal pertama beliau sebagai Presiden. Sehingga pertengahan Februari 2025, ancaman awal pengenaan tarif terhadap Kanada, China dan Mexico dengan ancaman baharu seumpamanya dibuat terhadap Kesatuan Eropah. Langkah tersebut telah menyebabkan tindak balas dan konsesi daripada negara-negara yang terjejas. Namun begitu, terdapat kemungkinan bahawa Presiden boleh menggunakan tarif sebagai strategi rundingan untuk urusan atau terma perdagangan yang lebih baik untuk AS seperti yang dapat dilihat daripada perjanjian keselamatan sempadan antara Kanada dengan AS sebagai pertukaran untuk penangguhan sementara daripada pengenaan tarif.

Dalam konteks ekonomi global, laporan Situasi dan Prospek Ekonomi Dunia 2025 Pertumbuhan Bangsa-bangsa Bersatu mencadangkan bahawa pertumbuhan global akan kekal lembap dan berlegar pada +2.8% yoy, iaitu di bawah purata tahunan pra-pandemik (2010-2019) sebanyak +3.2% yoy. Laporan tersebut menunjukkan bahawa walaupun penurunan inflasi dan dasar monetari mungkin memberikan sedikit kelegaan, ketegangan perdagangan, beban hutang yang tinggi dan risiko geopolitik boleh menjejaskan prospek. Bank-bank pusat di seluruh dunia akan menghadapi tugas yang sukar untuk cuba mengimbangi keperluan sokongan ekonomi tetapi mengelakkan daripada melampaui batas sehingga menimbulkan tekanan inflasi semula. Dari segi konflik geopolitik, diharapkan konflik di Timur Tengah dan Ukraine dapat menemui penyelesaian mungkin pada tahun 2025 dengan gencatan senjata Israel-Hamas pada 15 Januari 2025, dan Trump menjadi perantara gencatan senjata Ukraine-Rusia yang dijangka berlaku tidak lama lagi. Kami juga mengikuti perkembangan terkini mengenai generatif AI, pengganggu dari China DeepSeek dan kesan perubahan besar mereka terhadap ekonomi global serta tempatan.

Bagi kelas aset ekuiti, ketika kami mengemudi persekitaran pasaran ekuiti yang tidak menentu pada tahun 2025, pendekatan pelaburan kami kekal memfokuskan pelaburan yang secara asasnya baik untuk jangka masa yang panjang. Namun begitu, aktiviti perdagangan mungkin dilakukan secara oportunistik untuk memanfaatkan sebarang ketidaktentuan pasaran yang berlaku. Seperti biasa, kami akan terus memantau sebarang risiko geopolitik dan risiko lain yang mungkin memerlukan peralihan kepada strategi baru untuk menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran yang sentiasa berubah-ubah.

Ulasan Pasaran

Memasuki tahun 2025, ketidaktentuan pasaran bon dijangka berterusan kerana kebimbangan pengenaan tarif mungkin terus mendominasi tajuk utama selepas pelantikan Trump pada Januari 2025. Pihak Fed telah menyesuaikan trajektori pemotongan kadar masa depan kerana pendirian dasarnya kini kelihatan kurang mengehadkan dan sebarang pemotongan kadar tambahan akan bergantung pada kemajuan selanjutnya mengenai inflasi dan keadaan pasaran buruh. Pendekatan berhati-hati ini juga akan memberikan sedikit ruang untuk Fed bertindak balas terhadap sebarang perubahan data ekonomi dan dasar-dasar yang diperlukan pada tahun akan datang. Dari segi dasar monetari tempatan, BNM dijangka mengekalkan OPR pada 3.00% pada tahun 2025, kecuali terdapat kejutan luar yang ketara. Dalam Kenyataan Dasar Monetari Januari 2025, BNM mengekalkan pandangannya untuk memastikan aktiviti ekonomi berterusan pada tahun 2025 yang didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dari kedua-dua aspek penggunaan dan pelaburan. Tiada perubahan dalam penilaiannya terhadap inflasi yang dijangka kekal terkawal menjelang 2025 berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan domestik yang berlebihan. Dengan apa yang telah dinyatakan, kami akan terus mengumpul bon pada penilaian yang baik sambil mengutamakan nama-nama berkualiti tinggi.

Dana Ekuiti

Allianz Life

- 10** Jadual Perbandingan Prestasi
- 10** Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 12** Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 12** Peruntukan Portfolio
- 13** Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 14** Penyata Aset dan Liabiliti
- 15** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 16** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



*Imbas kod QR ini bagi versi digital
Laporan Prestasi Dana yang terdapat di
laman web korporat kami.*

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	4.787	4.976	5.061	5.276	6.261
Unit dalam Edaran	79,259,207	92,569,170	104,927,367	115,090,879	121,181,016
Jumlah NAV (RM)	377,760,235	458,488,760	528,832,133	604,531,440	755,163,683
NAV Tertinggi (RM/unit)	4.984	5.220	5.174	5.277	6.337
NAV Terendah (RM/unit)	3.420	4.659	4.703	4.863	5.276
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	(2.78)	3.95	1.71	4.25	18.67
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas (%)	3.49	(4.23)	(5.40)	0.63	16.98
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA					
Pertumbuhan Modal (%)	(1.05)	3.81	1.36	3.71	18.24
Agihan Pendapatan (%)	(1.73)	0.14	0.35	0.54	0.43

Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk ASEAN Plus	1.34%	1.33%	1.20%	1.50%	1.50%
Dana Induk Ekuiti	88.99%	83.35%	74.06%	81.72%	89.88%
Ekuiti	0.00%	3.71%	8.64%	4.76%	0.41%
Amanah Saham	1.55%	1.43%	1.11%	0.88%	0.60%
Tunai & Deposit	8.12%	10.18%	14.99%	11.14%	7.61%

	Satu-Tahun (Jan 24 - Dis 24)	Tiga-Tahun (Jan 22 - Dis 24)	Lima-Tahun (Jan 20 - Dis 24)
PULANGAN TAHUNAN			
Pulangan Tahunan Dana	18.67%	7.96%	4.92%
Pulangan Tahunan Penanda Aras	16.98%	3.65%	1.99%

Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Satu dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk peningkatan nilai modal dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Bagi tahun 2025, kami memantau rapi pelbagai faktor luaran dan dalaman yang mungkin memberi kesan pertumbuhan ekonomi pada peringkat global dan di Malaysia. Faktor-faktor ini termasuk tetapi tidak terhad kepada inflasi global, terutamanya di AS, kesan-kesan dasar-dasar baharu daripada Presiden AS yang baharu, perkembangan ketegangan geopolitik sekitar perkembangan berterusan di Timur Tengah dan Ukraine, dan keberkesanan pakej rangsangan China. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) menjangka KDNK Malaysia untuk berkembang antara 4.5% dan 5.5% pada tahun 2025. Pendorong utama pertumbuhan ini termasuk peluasan dalam perbelanjaan isi rumah, kekuatan berterusan dalam pelaburan dan peningkatan eksport, dan perbelanjaan pelancong. Perkembangan utama lain yang perlu diperhatikan termasuk penyesuaian semula subsidi.

Bagi kelas aset ekuiti, kami kekal komited untuk melabur dalam pelaburan yang secara asasnya baik dalam jangka masa pelaburan yang panjang. Tambahan pula, kami mungkin akan terlibat dalam sedikit aktiviti perdagangan untuk memanfaatkan sebarang ketidaktentuan pasaran yang ada. Namun begitu, kami harus berwaspada bahawa risiko geopolitik dan risiko lain yang meluas mungkin memerlukan penerapan strategi baharu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa keadaan pasaran yang tidak menentu.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.47% dikenakan ke atas dana.

Peruntukan Portfolio Ekuiti mengikut Sektor


	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	44.21%	19.68%	43.81%	100.00%
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	55.79%	70.91%	47.31%	0.00%
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	9.41%	8.88%	0.00%

Peruntukan Portfolio

pada 31 Disember 2024

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE				
PELABURAN				
DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE	11,771,990	8,085.19	11,348.20	1.50
DANA INDUK EKUITI ALLIANZ LIFE	191,464,494	476,088.31	678,741.63	89.88
ASET ASING: EKUITI				
PRODUK & PERKHIDMATAN PENGGUNA				
CP ALL PCL	420,400	3,018.94	3,069.91	0.41
ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	15,751,466	5,068.83	4,497.32	0.60
DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:				
HONG LEONG BANK BERHAD	54,650,000	54,650.00	54,650.00	7.24

Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2024

	2024 RM'000	2023 RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE		
ASET		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	11,348	9,072
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	678,742	494,052
Aset Asing	7,567	34,078
Deposit tetap/pasaran kewangan	54,650	65,167
Tunai dan baki bank	2,236	1,985
Faedah dan dividen belum terima	17	20
Lain-lain belum terima	1,314	650
Aset cukai tertunda	42	-
JUMLAH ASET	755,916	605,024
LIABILITI		
Liabiliti cukai tertunda	-	128
Manfaat dan tuntutan liabiliti	752	365
JUMLAH LIABILITI	752	493
NILAI ASET BERSIH DANA	755,164	604,531
DIWAKILI OLEH:		
Modal pemegang polisi	557,733	521,916
Perolehan tertahan	197,431	82,615
	755,164	604,531
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	6.261	5.276

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE			
Pada 1 Januari 2023	470,264	58,568	528,832
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	77,354	-	77,354
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(25,702)	-	(25,702)
Keuntungan bagi tahun	-	24,047	24,047
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	521,916	82,615	604,531
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	75,813	-	75,813
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(39,996)	-	(39,996)
Keuntungan bagi tahun	-	114,816	114,816
Pada 31 Disember 2024	557,733	197,431	755,164

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	2024 RM'000	2023 RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE		
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH		
Pendapatan faedah	1,290	1,808
Pendapatan dividen	1,510	2,200
(Kerugian)/Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(122)	2,236
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	125,993	24,537
(Kerugian)/Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing disebabkan oleh pelaburan	(3,445)	1,379
Pendapatan lain	-	469
	125,226	32,629
DITOLAK: PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	(10,258)	(7,920)
Perbelanjaan lain	(27)	-
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	114,941	24,709
PERBELANJAAN CUKAI	(125)	(662)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	114,816	24,047
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	82,615	58,568
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	197,431	82,615

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Terurus

Allianz Life

- 18** Jadual Perbandingan Prestasi
- 18** Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan
- 20** Peruntukan Portfolio Ekuiti mengikut Sektor
- 20** Peruntukan Portfolio
- 21** Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Penubuhan
- 22** Penyata Aset dan Liabiliti
- 23** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



*Imbas kod QR ini bagi versi digital
Laporan Prestasi Dana yang terdapat di
laman web korporat kami.*

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	5.217	5.305	5.362	5.591	6.193
Unit dalam Edaran	252,156,554	302,970,112	354,089,838	402,253,753	441,692,075
Jumlah NAV (RM)	1,312,318,514	1,603,196,390	1,894,282,621	2,243,729,001	2,728,037,332
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.292	5.426	5.391	5.591	6.193
NAV Terendah (RM/unit)	4.397	5.115	5.126	5.317	5.591
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	0.64	1.69	1.07	4.27	10.77
Penanda Aras: 50% Indeks FTSE BursaMalaysia 100 Teratas & 50% Kadar FD 12-bulan Maybank (%)	3.36	(1.12)	(1.48)	1.80	9.70
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA					
Pertumbuhan Modal (%)	0.57	1.59	0.87	3.91	10.56
Agihan Pendapatan (%)	0.07	0.10	0.20	0.36	0.21

Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk Bon	43.37%	43.09%	38.66%	48.67%	44.49%
Dana Induk Ekuiti	49.31%	46.50%	40.13%	42.06%	50.24%
Ekuiti	0.00%	1.41%	4.27%	2.09%	0.35%
Amanah Saham	0.80%	0.74%	0.56%	0.42%	0.30%
Tunai & Deposit	6.52%	8.26%	16.38%	6.76%	4.62%

	Satu-Tahun (Jan 24 - Dis 24)	Tiga-Tahun (Jan 22 - Dis 24)	Lima-Tahun (Jan 20 - Dis 24)
PULANGAN TAHUNAN			
Pulangan Tahunan Dana	10.77%	5.29%	3.62%
Pulangan Tahunan Penanda Aras	9.70%	3.24%	2.37%

Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan-ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan pelbagai pasaran kewangan.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Bagi tahun 2025, kami memantau rapi pelbagai faktor luaran dan dalaman yang mungkin memberi kesan pertumbuhan ekonomi pada peringkat global dan di Malaysia. Faktor-faktor ini termasuk tetapi tidak terhad kepada inflasi global, terutamanya di AS, kesan-kesan dasar-dasar baharu daripada Presiden AS yang baharu, perkembangan ketegangan geopolitik sekitar perkembangan berterusan di Timur Tengah dan Ukraine, dan keberkesanan pakej rangsangan China. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) menjangka KDNK Malaysia untuk berkembang antara 4.5% dan 5.5% pada tahun 2025. Pendorong utama pertumbuhan ini termasuk peluasan dalam perbelanjaan isi rumah, kekuatan berterusan dalam pelaburan dan peningkatan eksport, dan perbelanjaan pelancong. Perkembangan utama lain yang perlu diperhatikan termasuk penyelarasan semula subsidi.

Bagi kelas aset ekuiti, kami kekal komited untuk melabur dalam pelaburan yang secara asasnya baik dalam jangka masa pelaburan yang panjang. Tambahan pula, kami mungkin akan terlibat dalam sedikit aktiviti perdagangan untuk memanfaatkan sebarang ketidaktentuan pasaran yang ada. Namun begitu, kami harus berwaspada bahawa risiko geopolitik dan risiko lain yang meluas mungkin memerlukan penerapan strategi baharu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa keadaan pasaran yang tidak menentu.

Bagi pendapatan tetap, ketidaktentuan pasaran bon dijangka berterusan pada tahun 2025 kerana kebimbangan pengenaan tarif terus menguasai tajuk utama selepas pelantikan Presiden AS pada Januari 2025. Rizab Persekutuan (Fed) kelihatan telah menyesuaikan trajektori pemotongan kadar masa depan kerana pendirian dasar kelihatan kurang ketat dan sebarang pemotongan kadar tambahan akan bergantung pada perkembangan lanjut mengenai inflasi dan keadaan pasaran buruh. Pendekatan berhati-hati ini juga akan memberikan sedikit ruang untuk Fed bertindak balas terhadap sebarang perubahan dalam data ekonomi dan dasar-dasar yang diperlukan pada tahun akan datang. Dari segi dasar monetari tempatan, BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% pada tahun 2025, kecuali terdapat sebarang kejutan luaran yang ketara. Dalam Pernyataan Dasar bertarikh 22 Januari 2025, BNM mengekalkan pandangan bagi aktiviti-aktiviti ekonomi yang berterusan pada tahun 2025 dipacu oleh perbelanjaan domestik yang berdaya tahan. Tiada sebarang perubahan kepada penilaian inflasi yang dijangka kekal terus memasuki tahun 2025, dalam keadaan penurunan kos global dan ketiadaan tekanan permintaan domestik yang berlebihan. Mengambil kira semua pandangan ini, kami terus mengumpulkan bon pada penilaian yang memuaskan manakala mengutamakan nama-nama yang berkualiti tinggi.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.25% dikenakan pada dana.

Peruntukan Portfolio Ekuiti mengikut Sektor


	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	34.17%	12.24%	32.81%	100.00%
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	65.83%	76.29%	55.19%	0.00%
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	11.47%	12.00%	0.00%

Peruntukan Portfolio

pada 31 Disember 2024

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE				
PELABURAN				
DANA INDUK BON ALLIANZ LIFE	609,577,158	983,894.12	1,213,668.12	44.49
DANA INDUK EKUITI ALLIANZ LIFE	386,613,322	1,013,676.71	1,370,544.23	50.24
ASET ASING: EKUITI				
PRODUK & PERKHIDMATAN PENGGUNA				
CP ALL PCL	1,314,000	9,434.97	9,595.29	0.35
ASET ASING: AMANAH SAHAM				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	28,343,084	9,120.82	8,092.44	0.30
DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:				
CIMB BANK BERHAD	20,837,699	20,837.70	20,837.70	0.76
HONG LEONG BANK BERHAD	91,700,000	91,700.00	91,700.00	3.36

Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2024

	2024 RM'000	2023 RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE		
ASET		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk Bon	1,213,668	1,092,037
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	1,370,544	943,607
Aset Asing	17,688	56,342
Deposit tetap/pasaran kewangan	112,538	138,403
Tunai dan baki bank	8,009	6,913
Faedah dan dividen belum terima	100	2,823
Lain-lain belum terima	8,412	5,920
Aset cukai tertunda	69	-
JUMLAH ASET	2,731,028	2,246,045
LIABILITI		
Liabiliti cukai tertunda	-	328
Manfaat dan tuntutan liabiliti	2,826	1,895
Lain-lain belum bayar	165	93
JUMLAH LIABILITI	2,991	2,316
NILAI ASET BERSIH DANA	2,728,037	2,243,729
DIWAKILI OLEH:		
Modal pemegang polisi	2,227,241	1,991,794
Perolehan tertahan	500,796	251,935
	2,728,037	2,243,729
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	6.193	5.591

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE			
Pada 1 Januari 2023	1,729,815	164,468	1,894,283
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	352,218	-	352,218
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(90,239)	-	(90,239)
Keuntungan bagi tahun	-	87,467	87,467
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	1,991,794	251,935	2,243,729
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	370,617	-	370,617
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(135,170)	-	(135,170)
Keuntungan bagi tahun	-	248,861	248,861
Pada 31 Disember 2024	2,227,241	500,796	2,728,037

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	2024 RM'000	2023 RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE		
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH		
Pendapatan faedah	2,924	5,269
Pendapatan dividen	2,117	3,862
Keuntungan direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	2,038	3,982
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	278,958	97,436
(Kerugian)/keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing disebabkan oleh pelaburan	(5,211)	1,891
Pendapatan lain	-	1,201
	280,826	113,641
DITOLAK: PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	(31,280)	(24,897)
Perbelanjaan lain	(290)	-
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	249,256	88,744
PERBELANJAAN CUKAI	(395)	(1,277)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	248,861	87,467
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	251,935	164,468
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	500,796	251,935

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Pertumbuhan Dinamik

Allianz Life

- 26** Jadual Perbandingan Prestasi
- 26** Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan
- 28** Peruntukan Portfolio Ekuiti mengikut Sektor
- 28** Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life
- 29** Peruntukan Portfolio
- 32** Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 33** Penyata Aset dan Liabiliti
- 34** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 35** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



*Imbas kod QR ini bagi versi digital
Laporan Prestasi Dana yang terdapat di
laman web korporat kami.*

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	1.972	2.081	2.166	2.265	2.619
Unit dalam Edaran	48,477,570	51,709,063	54,412,306	56,265,832	56,271,634
Jumlah NAV (RM)	95,986,548	108,103,456	118,335,298	127,995,335	148,079,631
NAV Tertinggi (RM/unit)	2.114	2.182	2.251	2.274	2.752
NAV Terendah (RM/unit)	1.358	1.918	2.009	2.082	2.265
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	(5.51)	5.53	4.08	4.57	15.63
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas (%)	3.87	(3.85)	(5.37)	1.14	16.28
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA					
Pertumbuhan Modal (%)	(10.09)	3.32	0.69	2.25	13.07
Agihan Pendapatan (%)	4.58	2.21	3.39	2.32	2.56

Peruntukan Portfolio mengikut Kategori Pelaburan

	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024
DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE					
Ekuiti	85.94%	91.61%	86.89%	94.09%	93.27%
Amanah Saham	2.28%	2.26%	1.85%	1.54%	1.13%
Tunai & Deposit	11.78%	6.13%	11.26%	4.37%	5.60%

	Satu-Tahun (Jan 24 - Dis 24)	Tiga-Tahun (Jan 22 - Dis 24)	Lima-Tahun (Jan 20 - Dis 24)
PULANGAN TAHUNAN			
Pulangan Tahunan Dana	15.63%	7.97%	4.65%
Pulangan Tahunan Penanda Aras	16.28%	3.63%	2.14%

Aktiviti utama Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Global High Payout Allianz Life, Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life, Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Bon Allianz Life, Dana Padu Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life, Dana ASEAN Plus Allianz Life, Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life, Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life, Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life, Dana Pendapatan Global Allianz Life, Dana Thematica Allianz Life, Dana Pendapatan Elit Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD), Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life (USD), Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD), Dana Thematica Allianz Life (USD), Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD), Dana Sains Kesihatan Dunia Allianz Life, Dana Multi-Aset Bersepadu ESG Allianz Life, Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life dan Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Dana”) adalah untuk melabur dalam pelaburan yang dibenarkan.

Dana Ekuiti Allianz Life (“Dana Ekuiti”) yang dilancarkan pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan peningkatan nilai sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti.

Dana Terurus Allianz Life (“Dana Terurus”) yang bermula pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan peningkatan nilai sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life (“Dana Pertumbuhan Dinamik”) yang bermula pada 8 Disember 2003, ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio saham pelbagai memberikan tumpuan kepada syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life (“Dana Pendapatan Ekuiti”) yang bermula pada 18 Februari 2005 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti dengan penumpuan kepada ekuiti yang berpotensi untuk menghasilkan pulangan dividen tinggi, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Global High Payout Allianz Life (“Dana Global High Payout”) yang bermula pada 27 Mac 2006, merupakan pelan berkaitan dengan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Global High Payout Fund (USD). Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan keseluruhan daripada pendapatan dividen, premium opsyen dan kenaikan modal, pengagihan mampan, dan lazimnya ketidaktentuan portfolio lebih rendah berbanding dengan pelaburan ekuiti, dengan melabur dalam portfolio sekuriti ekuiti pelbagai global yang memberikan pulangan dividen menarik dan mampan; dan menjual opsyen panggilan untuk menjana premium opsyen yang meningkatkan dividen dan mengurangkan risiko portfolio keseluruhannya.

Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life (“Dana Asia Multi-IncomePLUS”) yang bermula pada 4 Jun 2007 ialah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Asian Multi Income Plus. Dana ini bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal dan pendapatan jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam pasaran ekuiti dan bon di Asia Pasifik.

Dana Bon Allianz Life (“Dana Bon”) yang bermula pada 8 Ogos 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan yang stabil dan kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap.

Dana Padu Allianz Life (“Dana Padu”) yang bermula pada 8 Jun 2009 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menjana kenaikan nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Syariah dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

1. Aktiviti utama dan maklumat umum (sambungan)

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life ("Dana Ikhlas") yang bermula pada 26 November 2012 bertujuan untuk mencari gabungan aliran pendapatan tetap dan pertumbuhan modal yang sesuai dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti tersenarai, instrumen hutang Islam dan aset lain yang dibenarkan oleh Prinsip Syariah.

Dana ASEAN Plus Allianz Life ("Dana ASEAN Plus") yang bermula pada 11 Oktober 2013 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan kenaikan nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti ASEAN.

Dana Ekuiti All China Allianz Life ("Dana Ekuiti All China") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz All China Equity, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti di pesisir dan luar pesisir Republik Rakyat China ("PRC"), Hong Kong dan Macau.

Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life ("Dana Global Kepintaran Buatan") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Global Artificial Intelligence, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada evolusi kecerdasan buatan.

Dana Pendapatan Oriental Allianz Life ("Dana Pendapatan Oriental") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Oriental Income, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti dan bon Asia Pasifik.

Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life ("Dana Ekuiti Asia Total Return") yang bermula pada 22 September 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Total Return Asian Equity, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti Republik Korea, Taiwan, Thailand, Hong Kong, Malaysia, Indonesia Filipina, Singapura dan/atau Republik Rakyat China (the "PRC").

Dana Pendapatan Global Allianz Life ("Dana Pendapatan Global") yang bermula pada 22 September 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Global Income, dan bertujuan untuk memperoleh pendapatan dan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam lingkungan kelas aset yang meluas, terutamanya dalam pasaran ekuiti dan bon global.

Dana Thematica Allianz Life ("Dana Thematica") yang bermula pada 2 Mac, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Thematica, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan tumpuan kepada tema dan pemilihan saham.

Dana Pendapatan Elit Allianz Life ("Dana Pendapatan Elit") yang bermula pada 15 Jun 2022, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Pendapatan PIMCO GIS, dan bertujuan untuk memberikan pendapatan terkumpul menerusi pengurusan pelaburan berhemat, dengan kenaikan nilai modal jangka panjang sebagai objektif kedua.

Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD) ("Dana Ekuiti All China (USD)") yang bermula pada 5 Julai 2023, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz All China Equity, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti di pesisir dan luar pesisir Republik Rakyat China ("PRC"), Hong Kong dan Macau.

Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life (USD) ("Dana Global Kepintaran Buatan (USD)") yang bermula pada 5 Julai 2023, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Global Artificial Intelligence, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada evolusi kecerdasan buatan.

Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD) ("Dana Pendapatan Oriental (USD)") yang bermula pada 5 Julai 2023, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Oriental Income, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti dan bon Asia Pasifik.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

1. Aktiviti utama dan maklumat umum (sambungan)

Dana Thematica Allianz Life (USD) ("Dana Thematica (USD)") yang bermula pada 5 Julai 2023, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Thematica, dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan tumpuan kepada tema dan pemilihan saham.

Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD) ("Dana Pendapatan Elit (USD)") yang bermula pada 5 Julai 2023, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Pendapatan PIMCO GIS, dan bertujuan untuk memberikan pendapatan terkumpul menerusi pengurusan pelaburan berhemat, dengan kenaikan nilai modal jangka panjang sebagai objektif kedua.

Dana Sains Kesihatan Dunia Allianz Life ("Dana Sains Kesihatan Dunia") yang bermula pada 21 Februari 2024, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana BGF World Healthscience yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan keseluruhan dengan melabur pada peringkat global dalam sekuriti ekuiti syarikat yang aktiviti utamanya adalah dalam sektor penjagaan kesihatan, farmaseutikal, teknologi perubatan dan bekalan, serta pembangunan bioteknologi.

Dana Multi-Aset Bersepadu ESG Allianz Life ("Dana Multi-Aset Bersepadu ESG") yang bermula pada 21 Februari 2024, melabur dalam dana sandaran berdenominasi Euro (EUR), iaitu Dana BGF ESG Multi-Asset Fund yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan keseluruhan dengan melabur pada peringkat global dalam lingkungan penuh pelaburan yang dibenarkan termasuk ekuiti, sekuriti pendapatan tetap yang boleh pindah milik (yang termasuk beberapa sekuriti pendapatan tetap hasil tinggi yang boleh pindah milik), unit Skim Pelaburan Kolektif, tunai, deposit dan instrumen pasaran wang.

Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life ("Dana Pendapatan dan Pertumbuhan") yang bermula pada 13 November 2024, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Allianz Income and Growth dan bertujuan untuk memaksimumkan pertumbuhan dan pendapatan jangka panjang dengan melabur dalam sekuriti hutang korporat dan ekuiti di Amerika Syarikat dan/atau pasaran ekuiti dan bon Kanada.

Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan Allianz Life ("Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan") yang bermula pada 13 November 2024, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana BGF Global Unconstrained Equity ber tujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang.

Dana Induk

Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (kemudiannya dirujuk secara kolektif sebagai "Dana Induk") dilancarkan untuk beroperasi sebagai instrumen pelaburan berpusat untuk Dana. Ia mempunyai nilai aset bersih ("NAV") tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam. Objektif mewujudkan Dana Induk adalah untuk menggabungkan kesemua dana pelaburan berbeza yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pelaburan.

Dana Induk Bon Allianz Life ("MBF") yang bermula pada 2 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan stabil dan kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap Malaysia. Pelaburan bon dalam Dana Terurus ("MF"), Dana Pendapatan Ekuiti ("EIF") dan Dana Bon ("BF") digabungkan dalam MBF. MF, EIF dan BF memindahkan NAV pelaburan bon kepada MBF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh permulaan dana MBF. MF, EIF dan BF tidak terlibat dalam pelaburan bon langsung selepas pemindahan bon kepada MBF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MBF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MBF melalui MF, EIF dan BF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MBF yang berlaku pada masa transaksi.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

1. Aktiviti utama dan maklumat umum (sambungan)

Dana Induk (sambungan)

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MEF") yang bermula pada 13 Jun 2008, ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan tetap dan kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Ekuiti ("EF"), MF dan Dana ASEAN Plus ("AF") digabungkan dalam MEF. EF dan MF memindahkan NAV pelaburan ekuiti kepada MEF pada NAV of RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MEF. MF, EF dan AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti langsung selepas pemindahan ekuiti kepada MEF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MEF. Mana-mana pelaburan dalam atau penebusan daripada MEF oleh MF, EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MEF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Dividen Allianz Life ("MDF") yang bermula pada 13 Jun 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan tetap dan tambah nilai modal dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti cenderung ke arah ekuiti yang berpotensi menghasilkan dividen. Pelaburan ekuiti dalam EIF digabungkan dalam MDF. EIF memindahkan NAV pelaburan ekuiti pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MDF. EIF tidak melibatkan pelaburan ekuiti terus selepas pemindahan ekuiti kepada MDF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDF. Mana-mana pelaburan dalam atau penebusan daripada MDF oleh EIF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MDE") yang bermula pada 8 Jun 2009 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Syariah dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu ("DP") digabungkan dalam MDE. NAV MDE pada pelancaran dana ialah RM1.00 seunit. DP tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti langsung tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDE. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MDE oleh DP selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDE yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life ("MAF") yang bermula pada 11 Oktober 2013, ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan kenaikan modal sederhana hingga jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan dengan sekuriti ASEAN. Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF digabungkan dalam MAF. NAV MAF pada pelancaran dana ialah RM0.50 seunit. EF and AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti langsung tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti langsung tetapi sebaliknya memegang unit-unit dalam MAF. Sebarang pelaburan baharu dalam atau ditebus daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana akan bergantung kepada NAV semasa daripada MAF pada masa transaksi.

Pengurus

Pengurus Dana ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus"), syarikat yang diperbadankan di Malaysia, terutamanya, terlibat dalam pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan perniagaan berkaitan dengan pelaburan.

2. Asas persediaan

Maklumat kewangan Dana telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam semua aspek material.

Maklumat kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang didedahkan dalam dasar perakaunan signifikan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan.

3. Dasar perakaunan signifikan

Dasar perakaunan dinyatakan di bawah diguna pakai dengan konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan dan digunakan dengan konsisten oleh Dana-dana kecuali dinyatakan sebaliknya.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

(a) Mata wang asing

(i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian "Dana". Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(ii) Transaksi mata wang asing

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana pada kadar pertukaran semasa tarikh transaksi. Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing pada tarikh akhir pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tarikh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul atas terjemahan semula diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(b) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi sebelah pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen terbabit.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama, tambahan lagi, dalam kes instrumen kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang secara langsung disebabkan oleh pemerolehan atau penerbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak induk dan dikira sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, dalam derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang diguna pakai berdasarkan sifat kontrak induk.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Dana mengkategorikan dan mengukur instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksaman melalui keuntungan atau kerugian

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau aset-aset kewangan yang ditetapkan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (sambungan)

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(b) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dan termasuk Lain-lain belum terima, deposit, tunai dan baki bank.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima seterusnya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kesemua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada penyemakan semula bagi penjejasan nilai (lihat nota 3(e)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan seterusnya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan yang merupakan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai bertanda dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang secara khusus bertanda dalam kategori ini ketika pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan menerusi penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebut harga dan tidak mempunyai harga yang disebut harga dalam pasaran aktif bagi instrumen seumpamanya yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, seterusnya akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(iii) Penjualan atau pembelian lazim aset kewangan

Pembelian atau penjualan lazim ialah pembelian atau penjualan aset kewangan menerusi kontrak yang mensyaratkan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan, secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Penjualan atau pembelian lazim aset kewangan (sambungan)

Pembelian atau penjualan lazim aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana terpakai, menggunakan tarikh perakaunan dagangan. Tarikh perakaunan dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset belum terima dan liabiliti bagi pembayarannya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan mana-mana keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau kawalan terhadap aset tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain. Selepas aset kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan antara amaun dibawa dengan jumlah pertimbangan diterima (termasuk mana-mana aset baru diperolehi ditolak dengan mana-mana liabiliti baru ditanggung) diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang disyaratkan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Selepas liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dengan pertimbangan yang telah dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(c) Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama dana-dana sekuriti ekuiti disebut harga dan amanah pelaburan harta tanah adalah berdasarkan harga pasaran aktif semasa. Sekiranya pasaran aset kewangan tidak aktif, Dana menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ia termasuk penggunaan transaksi saksama terkini, rujukan kepada instrumen lain yang ketara sama, analisis aliran tunai didiskaunkan dan model harga opsyen.

Nilai saksama sekuriti kerajaan Malaysia, skim pelaburan kolektif, bon korporat tidak disebut harga dan deposit panggilan dan tetap adalah berdasarkan harga indikatif pasaran saksama/indeks dengan membuat rujukan kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan atau broker.

Pelaburan berstruktur ialah pelaburan yang sebahagian daripada dana dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap diterbitkan oleh institusi kewangan, manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang berkaitan dengan prestasi daripada satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dibuat pada nilai saksama, ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

(d) Tunai dan kesetaraan tunai dan penempatan dengan institusi kewangan

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai pada baki bank, deposit dipegang daripada panggilan dengan institusi kewangan dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan yang tidak ketara dalam nilai saksama dengan tempoh matang selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana dalam pengurusan komitmen jangka pendek.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(b)(ii)(b).

(e) Penjejasan aset kewangan

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset pada masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian pada masa hadapan, tidak diiktiraf walaupun wujud kemungkinan ianya akan berlaku. Bagi instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif penjejasan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka kerugian penjejasan aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Kerugian penjejasan dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, dan diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dengan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

(f) Penciptaan unit

Penciptaan unit-unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baharu atau bayaran-bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berasaskan penerimaan.

(g) Pembatalan unit

Pembatalan unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

(i) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran ditentukan, dalam hal ini, sekuriti disebut harga ialah tarikh tanpa dividen.

(j) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa ialah cukai yang dijangka belum dibayar atau diterima ke atas pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan, dan mana-mana pelarasan kepada cukai belum dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)

3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

(j) Cukai pendapatan (sambungan)

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, mengambil kira perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata aset dan liabiliti, dengan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan terhadap perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kaedah jangkaan realisasi atau penyelesaian amaun dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal dengan sah pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai yang seumpamanya, atau ke atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka berhasrat untuk menyelesaikan cukai semasa aset dan liabiliti atas asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi serentak.

Cukai tertunda dana-dana berkaitan pelaburan memegang pelaburan dalam Dana-dana Induk telah dilaraskan dengan menghapuskan keuntungan atau kerugian tidak direalisasikan daripada pelaburan tersebut.

Aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan diperolehi berbanding dengan perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tempoh akhir pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

(k) Yuran pengurusan pelaburan

Yuran pengurusan pelaburan dikira selaras dengan peruntukan dokumen polisi.

Penyata oleh Pengurus

Kami, **Goh Ching Yin** dan **Ong Eng Chow**, selaku dua Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus Dana, maklumat kewangan Dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti setakat 31 Disember 2024, penyata perubahan nilai aset bersih, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir itu, dan nota-nota kepada maklumat kewangan seperti yang dinyatakan dalam bahagian masing-masing laporan ini telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Dana,

.....
Goh Ching Yin
Pengarah

.....
Ong Eng Chow
Pengarah

Kuala Lumpur,
Date: 27 Februari 2025

Laporan Juruadit Bebas

kepada Pemegang Polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

No. Pendaftaran 198301008983 (104248-X)

DANA EKUITI ("EF"), DANA TERURUS ("MF"), DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ("DGF"), DANA PENDAPATAN EKUITI ("EIF"), DANA GLOBAL HIGH PAYOUT ("GHP"), DANA ASIA MULTI-INCOMEPLUS ("AMIF"), DANA INDUK BON ("MBF"), DANA INDUK EKUITI ("MEF"), DANA INDUK DIVIDEN ("MDF"), DANA BON ("BF"), DANA PADU ("DP"), DANA INDUK DANA EKUITI ("MDE"), DANA IKHLAS ("DIF"), DANA ASEAN PLUS ("APF"), DANA INDUK ASEAN PLUS ("MAF"), DANA EKUITI ALL CHINA ("ACEF"), DANA GLOBAL KEPINTARAN BUATAN ("GAIF"), DANA PENDAPATAN ORIENTAL ("OIF"), DANA EKUITI ASIA TOTAL RETURN ("TRAEF"), DANA PENDAPATAN GLOBAL ("GIF"), DANA THEMATICA ("TF"), DANA PENDAPATAN ELIT ("PEIF"), DANA EKUITI ALL CHINA USD ("USACEF"), DANA GLOBAL KEPINTARAN BUATAN USD ("USGAIF"), DANA PENDAPATAN ORIENTAL USD ("USOIF"), DANA THEMATICA USD ("USTF"), DANA PENDAPATAN ELIT USD ("USEIF"), DANA SAINS KESIHATAN DUNIA ("WHSF"), DANA MULTI-ASET BERSEPADU ESG ("EMF"), DANA PENDAPATAN DAN PERTUMBUHAN ("IGF"), DANA GLOBAL EKUITI TANPA SEKATAN ("GUEF") (SELEPAS INI DIRUJUK SECARA KOLEKTIF, SEBAGAI "DANA-DANA").

LAPORAN MENGENAI AUDIT MAKLUMAT KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan yang dilampirkan information mengenai Dana-dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 disediakan, dalam semua bahan berkaitan, selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang digariskan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kami mengaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Dana-dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2024, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan nilai aset bersih bagi tahun kewangan yang telah berakhir, dan nota-nota kepada maklumat kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 2 hingga 130.

Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan pada bahagian "Tanggungjawab juruaudit terhadap audit maklumat kewangan" dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Penekanan perkara – asas penyediaan dan batasan terhadap penyebaran dan penggunaan

Kami menarik perhatian kepada Nota 3 kepada maklumat kewangan yang menerangkan asas persediaan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membantu Dana-dana memenuhi keperluan-keperluan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami ditujukan hanya untuk pemegang unit Dana-dana sebagai sebuah organisasi dan tidak boleh diedarkan kepada atau digunakan oleh mana-mana pihak selain daripada pemegang unit Dana-dana. Pendapat kami tidak berubah berhubung dengan perkara ini.

Kebebasan dan tanggungjawab beretika lain

Kami bebas daripada Dana-dana ini selaras dengan Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil ") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA") Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Laporan Juruadit Bebas (sambungan)

kepada Pemegang Polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

No. Pendaftaran 198301008983 (104248-X)

LAPORAN MENGENAI AUDIT MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Maklumat selain daripada maklumat kewangan dan laporan juruaudit ke atasnya

Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain termasuk maklumat yang terkandung dalam Laporan Prestasi Dana yang dijangka akan disediakan untuk kami selepas tarikh laporan juruaudit ini. Maklumat lain tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan ke atasnya.

Berhubung dengan audit mengenai maklumat kewangan Dana-dana, kami bertanggungjawab untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain adalah secara material tidak konsisten dengan maklumat kewangan Dana-dana atau pengetahuan yang diperoleh dalam audit atau sebaliknya kelihatan disalahkan secara material. Sekiranya, berdasarkan usaha yang dijalankan, kami memutuskan bahawa terdapat salah nyata material pada maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan kenyataan tersebut. Kami tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab para Pengarah Pengurus maklumat kewangan

Para Pengarah Pengurus maklumat kewangan bertanggungjawab terhadap persediaan maklumat kewangan selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, serta kawalan dalaman sebagaimana para Pengarah menganggap perlunya bagi membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan maklumat kewangan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan mendedahkan, sepertimana terpakai, hal-hal berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para Pengarah berhasrat sama ada untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tiada alternatif realistik selain daripada berbuat demikian.

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk mengawal selia proses pelaporan kewangan Dana-dana.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit maklumat kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan munasabah mengenai maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk menerbitkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan tinggi, tetapi bukannya jaminan bahawa audit dilaksanakan selaras dengan piawai pengauditan di Malaysia dan Piawaian Antarabangsa mengenai Pengauditan sentiasa mengesan salah nyata material sekiranya wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya secara individu atau agregat, ianya dijangka dengan munasabah dapat mempengaruhi keputusan keputusan ekonomi pengguna berasaskan maklumat kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyat material maklumat kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas kepada pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata material disebabkan oleh penipuan lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengabaian yang disengajakan, salah tafsir atau pelanggaran kawalan dalaman.

Laporan Juruadit Bebas (sambungan)

kepada Pemegang Polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

No. Pendaftaran 198301008983 (104248-X)

LAPORAN MENGENAI AUDIT MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab juruaudit bagi audit maklumat kewangan (sambungan)

- (b) Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus Dana-dana.
- (d) Memutuskan mengenai kesesuaian penggunaan perakaunan asas usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami memutuskan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menekankan dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, mengubah pendapat kami, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan para Pengurus mengenai perkara-perkara, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan semata-mata untuk para pemegang unit Dana sebagai organisasi, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab kepada mana-mana individu bagi kandungan laporan ini.


PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT

LLP0014401-LCA & AF 1146

Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur
27 Februari 2025

Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



Pusat Khidmat/Hubungan Pelanggan

Ground Floor, Block 2A Plaza Setral
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

Talian Khidmat Pelanggan One Allianz

Level 10, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan



Imbas kod QR untuk
maklumat lanjut.

Anda boleh mendapatkan lokasi cawangan kami serta hospital panel, klinik, bengkel, dan ejen terdekat melalui Allianz Locator di https://az.my/ALIM_NetworkOffices.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
198301008983 (104248-X)

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tel: +603 2264 1188 / 2264 0688
Fax: +603 2264 1199

ALLIANZ.COM.MY



This Integrated Annual Report is printed on 100% recycled paper